

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

HKN 207 – Fiksyen dan Drama Melayu dan Indonesian Modern

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN [9]** soalan di dalam **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja. **SATU [1]** soalan daripada setiap **BAHAGIAN A, B, C** dan pilih **SATU [1]** soalan daripada **MANA-MANA BAHAGIAN**.

Bahagian A

1. Sebagai sebuah dokumen sosial, bincangkan sejauh mana novel Ranjau Sepanjang Jalan berjaya mengungkapkan masalah yang dihadapi oleh penduduk Banggul Dedap. Seandainya anda memegang watak Tok Penghulu dalam novel itu, kemukakan langkah-langkah yang berkesan untuk mengatasi masalah tersebut.
2. Bincangkan dengan kritis tentang perwatakan dan plot novel Kroco, dan tunjukkan sejahmanakah perwatakan dan plot itu memainkan peranan dalam menentukan mutu novel tersebut?
3. Antara tujuan membaca karya sastera ialah untuk membentuk manusia yang berbudaya, jelaskan sejauh mana tujuan itu boleh dicapai dengan membaca novel Ranjau Sepanjang Jalan dan Kroco.

Bahagian B

4. Bandingkan teknik penulisan yang digunakan oleh Keris Mas dalam cerpen "Keras Hati" dan Mahadzir Syed Omar dalam cerpen "Dialog Pohon-Pohon," dan jelaskan bagaimana teknik-teknik ini memberi kesan kepada pembaca.
5. Bincangkan pokok pemikiran yang dilontarkan oleh Sitor Situmorang dalam cerpen "Ibu Pergi Ke Surga" dan A.A. Navis dalam cerpen "Robohnya Surau Kami." Berdasarkan pokok pemikiran itu, jelaskan fahaman agama yang terpancar melalui cerpen-cerpen tersebut.
6. Bincangkan sejauhmanakah cerpen "Sekuntum Kembang Di Sayap Jibril" karya S.M.Zakir dan cerpen "Setangkai Melati Di Sayap Jibril" karya Danarto berjaya mengungkapkan persoalan agama dan ketuhanan?

Bahagian C

7. Bincangkan sejauhmanakah Usman Awang berjaya menegakkan konsep kemanusiaan sejahtera melalui drama Matinya Seorang Pahlawan-Jebat?
8. Kemukakan satu kritikan terhadap watak-watak Soleman, Mat Kontan dan Paijah dalam drama Malam Jahanam, karya Motinggo Busye. Pada pendapat anda sejauhmanakah watak-watak itu boleh diterima sebagai watak jahanam?
9. Bentangkan satu analisis terhadap kekuatan dan kelemahan unsur-unsur fiksyen yang terdapat dalam drama Matinya Seorang Pahlawan-Jebat karya Usman Awang dan drama Malam Jahanam karya Motinggo Busye.